

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR [JERLUN]**

SOALAN NO. 313

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pecahan unit rumah mengikut negeri yang akan dibina di bawah program pembinaan 1 Juta Rumah Mampu Milik 2018-2028 :-

- (a) mohon dinyatakan komitmen Kementerian-Kementerian/Agensi-Agenzi, Negeri dan Swasta dalam pelaksanaan rancangan tersebut ; dan
- (b) berapakah sasaran Rumah Mampu Milik untuk Kedah bagi tahun 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Kementerian/Agenzi Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak pemaju swasta untuk mengenal pasti sasaran dan strategi pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) supaya perancangan pembangunan perumahan awam dan mampu milik

dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Sehubungan itu, sesi pemurnian data sedang dilaksanakan dengan agensi-agensi yang berkenaan bagi mengkoordinasi pengumpulan data dengan lebih menyeluruh.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah menetapkan cadangan sasaran pelaksanaan RMM Tahun 2018 hingga 2028 melalui agensi-agensi pelaksana yang terlibat seperti berikut:
 - (a) KPKT : 546,000 unit;
 - (b) Lain-lain Kementerian : 155,788 unit;
 - (c) Kerajaan Negeri : 153,212 unit; dan
 - (d) Pihak swasta : 145,000 unit.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2019 telah membincangkan isu berhubung pelaksanaan 1 Juta RMM serta pemantauannya. Mesyuarat telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (2018-2028) yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan mewujudkan pangkalan Data Bersepadu Perumahan (*Housing Integrated Data System*).

Sekian, terima kasih.